

Pengalaman masyarakat Islam Bosnia boleh jadi iktibar hurai konflik

Mufti Emeritus Bosnia akhiri lawatan ke S'pura semalam dengan kongsi pengalaman negaranya



PEJUANG KEAMANAN: Profesor Ceric (kanan) berkongsi pengalaman beliau dalam proses kedamaian di tanah airnya, Bosnia, semasa ceramah di RSIS semalam. Di sebelah beliau ialah ketua program Pengajian Hubungan Silang Agama dalam Masyarakat Majmuk (SRP), Encik Mohd Alami Musa.- Foto TUKIMAN WARJI

2 Sep 2014

BAGAIMANA masyarakat Bosnia bangkit daripada persengketaan peperangan etnik pada awal 1990-an bagi membentuk sebuah negara yang aman.

Apa pula peranan yang dimainkan para pemimpin berbilang kaum di negara itu dalam proses kedamaian?

Adakah pengalaman Bosnia semasa peperangan itu dapat menjadi contoh huraian kepada konflik antara agama dan kaum yang berlaku di dunia sekarang?

Itulah antara inti pati ceramah yang disampaikan Mufti Emeritus Bosnia-Herzegovina, Shaykh Profesor Mustafa Ceric, semalam di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Ceramah tersebut menggulung lawatan beliau ke Singapura yang berakhir semalam.

Sebelum ini, Profesor Ceric yang menjadi Mufti Bosnia selama dua dekad, termasuk sepanjang tempoh Perang Bosnia itu, telah mengadakan ceramah Jumaat lalu di Singapore Max Atria anjuran bersama SimplyIslam, Jamiyah Singapura dan Muslim Expatriates Network (MEX).

Dalam ceramah bertajuk *Challenging Hate: Islam, Conflict and Peacebuilding* (Mencabar Kebencian: Islam, Konflik dan Membangunkan Keamanan), Profesor Ceric turut berkongsi pengalaman beliau dan para pemimpin Bosnia dalam proses kedamaian yang berakhir dengan pembentukan negara Bosnia Herzegovina.

Sementara itu, beliau turut mengadakan lawatan ke Pusat Sumber Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) di Masjid Khadijah dan mengadakan sesi dialog dengan anggota RRG kelmarin.

Beliau turut diundang Pertubuhan Antara Agama (IRO) bagi menyampaikan ceramah pada hari yang sama.

Profesor Ceric, seorang ulama yang dihormati dan tokoh terbilang dalam isu keamanan antara agama, berada di Singapura atas undangan RSIS.